

26 JUL 2001

PERDANA MENTERI RASMI PUSAT KOMPUTER KAMPUNG KUBANG JAMBU

ALOR SETAR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pusat Komputer Kampung Kubang Jambu di Simpang Empat Kangkong dekat sini dalam rangka lawatan sehari ke Kedah.

Beliau menurunkan tandatangannya pada plak di pintu masuk pusat komputer itu sebagai tanda perasmian itu.

Pusat komputer itu diwujudkan dengan sumbangan daripada pihak swasta bagi mempertingkatkan penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di kawasan luar bandar.

Dr Mahathir kemudian melawat pusat komputer itu sambil beramah mesra dengan pelajar yang mengikuti kelas komputer di situ.

Pengerusi Pusat Komputer itu Ahmad Azman Abdul Manaf yang juga Timbalan Ketua Bahagian Umno Kuala Kedah menyampaikan taklimat kepada Perdana Menteri mengenai operasi pusat itu.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA

MNH NMO